

KENYATAAN MEDIA

SUNWAY CONSTRUCTION DIANUGERAHKAN KONTRAK JEJAMBAT KEDUA BAGI LALUAN SSP

Kuala Lumpur, 28 March 2016: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan penganugerahan Pakej Kerja Jejambat V201 bagi pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) kepada Sunway Construction Sdn Bhd.

Di bawah Pakej Kerja ini, kontraktor yang berjaya akan membina dan menyiapkan jejambat dan kerja-kerja lain yang berkaitan bagi sebahagian jajaran bertingkat Laluan MRT SSP sepanjang 4.9km dari Sungai Buloh ke Persiaran Dagang.

Nilai kontrak tersebut ialah RM1.21 bilion.

Anugerah ini telah dibuat berikutan satu mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehati (OSPC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata, masa yang telah diambil untuk menganugerahkan Pakej-Pakej Kerja adalah sangat bagus.

"Ini adalah Pakej Kerja jejambat kedua yang telah dianugerahkan bagi pembinaan Laluan SSP, iaitu selepas penganugerahan Pakej Kerja V202 minggu lepas kepada Ahmad Zaki Sdn. Bhd. Kedua-dua kontraktor ini akan dapat membersihkan tapak-tapak mereka dan menggerakkan jentera mereka untuk memulakan kerja pembinaan tidak lama lagi.

"Ini adalah satu perkembangan yang amat baik untuk Projek. Saya yakin bahawa kita akan dapat menepati jadual untuk Projek tersebut dan memastikan Fasa 1 Laluan SSP mula beroperasi pada suku kedua tahun 2021, dan seluruh laluan dalam suku kedua tahun 2022," katanya lagi.

Shahril menyatakan bahawa semua tender yang berjaya dipilih berasaskan penilaian tender terbaik, dengan tender yang dinilai berdasarkan aspek-aspek teknikal dan komersial. Ini bermakna tender yang berjaya tidak semestinya tender dengan harga yang paling rendah.

"Walau bagaimanapun, saya boleh menyatakan bahawa penilaian tender terbaik bagi pakej kerja ini adalah juga tender dengan harga yang paling rendah antara empat tender yang dikemukakan," katanya.



Sunway Construction juga merupakan kontraktor Pakej Kerja Pakej V4 bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang. Atas dasar itu, syarikat telah pra-layak untuk memasuki tender bagi Pakej-Pakej Kerja pembinaan jejambat bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya.

Anugerah ini berikutan penganugerahan sebelum ini yang telah diumumkan pada 25 Mac 2016 bagi Pakej Kerja 202 untuk pembinaan dan menyiapkan 4.5km jejambat dan kerja-kerja berkaitan dari Persiaran Dagang ke Jinjang. Pakej Kerja tersebut telah dianugerahkan kepada Ahmad Zaki Sdn Bhd. Nilai kontrak pakej kerja adalah RM1.44 bilion.

Laluan SSP adalah sepanjang 52.2km, 13.5km merupakan bawah tanah. Ia terdiri daripada 37 stesen, 11 daripadanya adalah stesen bawah tanah.

Secara keseluruhannya, terdapat 66 pakej kerja yang ditender untuk pembinaan Laluan SSP. Ini termasuk 10 pakej jejambat, satu pakej kerja-kerja bawah tanah, dua pakej kerja depot, 10 pakej kerja stesen, dan 15 pakej kerja medan tempat letak kereta bertingkat.

Lain-lain tawaran adalah bagi kerja-kerja awal, saling-hubungan (connectivity), sistem, pembekal-pembekal yang ditetapkan dan kontraktor ditetapkan.

-tamat/ -

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

*Mr Leong Shen-li
MRT Corp*

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

*Cik Amalina Ghazali
MRT Corp*

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my